

MAJLIS PELEPASAN PERKHIDMATAN PENGHANTARAN INSENTIF PENJANA PERTANIAN BANDAR



Putrajaya, 11 Februari - YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan melancarkan Majlis Pelepasan Perkhidmatan Penghantaran Insentif PENJANA Pertanian Bandar. Majlis ini adalah pelepasan agihan peralatan dan input pertanian daripada Insentif PENJANA Pertanian Bandar tahun 2020 bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui penghantaran perkhidmatan kurier.

Kaedah ini adalah alternatif dan pendekatan yang diambil oleh Jabatan Pertanian bagi memastikan peralatan dan input pertanian yang telah diluluskan sampai kepada penerima dalam suasana pandemik COVID-19 ini.

Pihak Jabatan berharap semua penerima akan segera menggunakan alatan yang telah diberikan dengan sebaiknya.